

**HUBUNGAN ANTARA KUALITI HIDUP DENGAN POPULASI YANG  
BERLAKU DALAM MALAYSIA**

**TONG HUI MEE**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS  
DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI  
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**APRIL 2008**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL HUBUNGAN ANTARA KUALITI HIDUP DENGAN POPULASI PENDUDUK  
YANG BERLAKU DALAM MALAYSIA -

DAZAH SARJANA MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN

SAYA TONG HUI MEE

(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 07/08

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

*Tong Hui Mee*

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: 1602, Lorong 32,  
Taman Ria 08000 Sungai  
Petani, Kedah.

Nama Penyelia

Tarikh: 25.04.08

Tarikh: \_\_\_\_\_

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD


@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



**PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa kajian ini adalah hasil daripada kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

**25 April 2008**



---






TONG HUI MEE

HS2005-1311



**DIPERAKUKAN OLEH**

Tandatangan

**1. PENYELIA****(PROF. MADYA DR. HO CHONG MUN)****2. PENYELIA BERSAMA****(PROF. DR. ZAINODIN HJ. JUBOK)****3. PEMERIKSA PERTAMA****(CIK SURIANI HASSAN)****4. PEMERIKSA KEDUA****(PN. SITI RAHAYU MOHD. HASHIM)****5. DEKAN****(SUPT PROF. MADYA DR. SHARIFF A.K OMANG)**

## PENGHARGAAN

Amat bersyukur kerana sempat menyiapkan kajian ini tepat pada masa. Di sini, jutaan terima kasih diucapkan terutamanya kepada penyelia dan penyelia bersama projek saya Prof. Madya Dr. Ho Chong Mun dan Prof. Zainodin Hj. Jubok kerana atas keprihatinan dan tunjuk ajarnya saya dapat menguasai projek saya dengan lebih baik. Beliau telah memberi pandangan dan cadangan yang bernas kepada saya agar saya dapat menjalankan projek ini dengan baik. Selain itu, bagi pemeriksa pula saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana memperbaiki kelemahan-kelemahan projek saya dengan teliti untuk menjadikan projek saya lebih sempurna dan berkualiti. Komen-komen yang diberi oleh pemeriksa-pemeriksa adalah sangat berguna untuk membantu saya meneruskan projek ini sehingga habis. Di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang banyak membantu saya atas dari segi kewangan dan memberi sokongan kepada saya semasa saya menghadapi masalah ketika menyiapkan projek ini. Tambahan pula, tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawan yang sentiasa memberi sokongan serta memberi pendapat kepada saya untuk menyiapkan projek ini. Akhirnya, terima kasih saya mengucapkan kepada mereka yang secara langsung atau tidak langsung membantu saya dalam menjalankan projek ini. Sekian, terima kasih.



## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencari hubungan antara indeks kualiti hidup Malaysia dengan populasi penduduk. Indeks kualiti hidup dikira berdasarkan kepada empat langkah yang utama dan terdiri daripada lima penentu iaitu kesihatan, pendidikan, peserkitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, dan keselamatan awam. Data-data tersebut dikutip dari tahun 1995 sehingga ke tahun 2005. Kajian yang diperolehi daripada rekod yang dikumpul oleh pegawai Jabatan Perangkaan Statistik cawangan Pulau Pinang dan Sabah. Graf garis diplotkan untuk menguji kekonsistenan antara indeks yang terdiri daripada sebelas penentu dengan indeks kualiti hidup yang terdiri daripada lima penentu. Selain itu, graf garis juga diplot untuk menguji antara indeks kualiti hidup yang terdiri daripada petunjuk yang berbeza walaupun penentunya sama. Analisis yang diguna untuk mencari hubungan antara indeks kualiti hidup dengan populasi penduduk adalah analisis korelasi Pearson. Hubungan antara populasi penduduk dengan indeks kualiti hidup dikukuhkan dengan memplotkan *scatter plot*.

Kata kunci: Indeks kualiti hidup, analisis korelasi Pearson, kekonsistenan



## ABSTRACT

The objective on doing this project are to find the value for the index quality of life and to investigate the relationship between the population and the index quality of life in Malaysia. The Malaysian Quality of Life (2002) analyzes the progress and trends in national development for the period from 1995 to 2005 and using 1995 as the base year. An aggregate measure of the quality of life is depends on five areas comprising 12 indicators. The five areas are health area, working life area, transport and communications area, education area, and public safety area. The data from year 1995 to 2005 are collected from the Statistics Department branches at Georgetown and Sabah. the year 1995 is set as a base year for calculating the index quality of life. The index quality of life is obtained by the composite index of the five areas year to year. The consistent or not between using the eleven areas to calculate the index with the five areas to calculate the index is concerned in this study by looking on the trend the produce. Besides that, the consistent between using the different indicator in the same area will also consider in this study. Then, the relationship between the index quality of life and the population will be calculated by using the Pearson correlation analysis.

**Key words:** Index quality of life, composite index, Pearson correlation analysis



# KANDUNGAN

Muka Surat

---

PENAKUAN	ii
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SIMBOL	xii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Tujuan Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	9
1.7 Definasi Kajian	9
1.8 Batasan Kajian	10
<b>BAB 2 KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kerangka Konsep	13
2.3 Tinjauan	16
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	22
3.2 Petunjuk-petunjuk IKHM	23





3.3	Menguji kekonsisitenan antara 11 penentu dengan 5 penentu	25
3.4	Langkah-langkah Untuk Mengira IKHM	26
3.5	Menguji kekonsisitenan menggunakan petunjuk yang berbeza tetapi penentu yang sama	31
3.6	Analisis Korelasi Pearson	33

#### **BAB 4 DATA DESKRIPTIF**

4.1	Pengenalan	35
4.2	Kenormalan	36

#### **BAB 5 ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

5.1	Pengenalan	45
5.2	Menguji kekonsistenan bagi indeks 11 penentu dengan indeks 5 penentu	46
5.3	Pengiraan indeks kualiti hidup	47
5.3.1	Pengiraan markah piawai	48
5.3.2	Pengiraan sub indeks bagi petunjuk	53
5.3.3	Pengiraan indeks penentu	56
5.3.4	Pengiraan indeks komposit	57
5.4	Menguji kekonsistenan atas petunjuk yang berbeza	59
5.5	Kaedah korelasi Pearson	60

#### **BAB 6 KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN RANCANGAN**

6.1	Pengenalan	64
6.2	Perbincangan	64
6.3	Masalah dan cadangan	65
6.4	Kesimpulan	67

RUJUKAN	68
---------	----

LAMPIRAN	71
----------	----



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Komposit Indeks Kualiti Hidup Malaysia	23
3.2 Komposit Indeks Kualiti Hidup Malaysia	32
4.1 Ujian kenormalan bagi indeks komposit persekitaran kerja	37
4.2 Ujian kenormalan bagi indeks komposit pengangkutan dan Komunikasi	38
4.3 Ujian kenormalan bagi indeks komposit kesihatan	39
4.4 Ujian kenormalan bagi indeks komposit keselamatan awam	40
4.5 Ujian kenormalan bagi indeks komposit pendidikan	41
4.6 Ujian kenormalan bagi populasi penduduk	42
4.7 Ujian kenormalan bagi indeks kualiti hidup	43
5.1 Indeks komosit terdiri daripada sebelas penentu dan lima penentu	46
5.2 Menunjukkan markah piawai bagi petunjuk persekitaran kerja	48
5.3 Menunjukkan markah piawai bagi petunjuk keselamatan awam	49
5.4 Menunjukkan markah piawai bagi petunjuk-petunjuk pendidikan	49
5.5 Menunjukkan markah piawai bagi petunjuk pengangkutan dan komunikasi	51
5.6 Menunjukkan markah piawai bagi petunjuk kesihatan	52
5.7 Sub indeks bagi persekitaran kerja	53
5.8 Sub indeks bagi keselamatan awam	54
5.9 Sub indeks bagi pendidikan	54
5.10 Sub indeks bagi pengangkutan dan komunikasi	55
5.11 Sub indeks bagi kesihatan	56
5.12 Indeks bagi lima penentu	57
5.13 Indeks komposit	57
5.14 Indeks komposit yang diguna dalam Buku Kualiti Hidup Malaysia 2002	59
5.15 Output bagi korelasi Pearson	61
5.16 Pekali korelasi bagi indeks komposit bidang-bidang dengan populasi penduduk	62



## SENARAI RAJAH

<u>No. Rajah</u>	<u>Muka Surat</u>
2.1 Pasangan bagi kononikal korelasi	18
4.1 Histogram bagi indeks komposit persekitaran kerja	38
4.2 Histogram bagi indeks komposit pengangkutan dan komunikasi	39
4.3 Histogram bagi indeks komposit kesihatan	40
4.4 Histogram bagi indeks komposit keselamatan awam	41
4.5 Histogram bagi indeks komposit pendidikan	42
4.6 Histogram bagi populasi penduduk	43
4.7 Histogram bagi indeks kualiti hidup	44
5.1 Pola antara indeks 11 penentu dengan indeks 5 penentu	47
5.2 Pola bagi petunjuk yang berbeza	60
5.3 <i>Scatter plot</i> bagi indeks kualiti hidup melawan dengan populasi penduduk	61



## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Malaysia telah membangun dengan pesat sejak merdeka lagi. Hal ini dapat dilihat di mana kemajuan teknologi dan kemajuan fizikal yang telah dicapai sekarang. Contohnya, bagi bahagian kemajuan fizikal dapat dibukti dengan pembinaan KLCC di Kuala Lumpur, perkembangan bandar-bandar, kilang-kilang , dan rumah-rumah dengan pesat. Selain itu, bagi bahagian kemajuan teknologi pula Malaysia telah pun melancarkan satelit sendiri seperti yang dapat dilihat Measat I dan Measat II. Tambahan pula, Malaysia juga telah mengeluarkan kereta sendiri contohnya kereta Proton Wira, Proton Saga. Sebenarnya, kemajuan sesebuah negara hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyat yang bertambah baik dari tahun demi tahun (Mahathir, 1999). Sejak merdeka, banyak usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan kualiti hidup bagi semua lapisan masyarakat. Contohnya, Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) telah ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia pada tahun 1992 dengan



objektif untuk menggalakkan sektor swasta melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerjaanya seiring dengan keperluan peniagaan dan strategi perindustrian negara. Selain itu, kerajaan telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang bergaji tinggi. Bantuan kewangan secara terus juga diberikan kepada golongan tua dan kurang upaya yang sukar untuk mendapat pekerjaan.

Laporan Kualiti Hidup Malaysia pada tahun 1999 menurut Unit Perancang Ekonomi (1999) merupakan siri yang pertama diterbitkan untuk menggambarkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Tambahan pula, laporan tersebut juga menyatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia YAB Dato'Seri Abdullah Ahmad Badawi telah berusaha untuk mempertimbangkan tahap hidup rakyat dalam semua inisiatif pembangunan. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) adalah suatu nilai mata yang penting yang dirangka untuk mengukur perubahan dalam kualiti hidup yang berlaku dalam Malaysia setiap tahun. Indeks kualiti hidup Malaysia juga dikenali sebagai indeks komposit dan indeks ini adalah dikira dengan menggunakan sub-indeks daripada 11 penentu umum yang mempunyai hubungan dengannya menurut buku Kualiti Hidup Malaysia (2002).

Kualiti hidup sesebuah negara dianggap telah meningkat apabila sesebuah masyarakat tersebut beralih kepada suatu suasana atau kawasan kehidupan yang pada amnya lebih baik berbanding dengan suasana atau kawasan sebelum itu.



## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Renwick (2006) dalam kajian Mohd Shaladdin bin Muda *et al.*(2006) telah mengatakan bahawa kualiti hidup adalah sesuatu yang sangat ringkas iaitu dapat dilihat di mana seseorang itu merasa seronok, atau bahagia dan merasakan hidupnya bermakna. Walau bagaimanapun, Siti Fatimah (2005) dalam kajian Mohd Shaladdin bin Muda *et al.* pula menjelaskan bahawa konsep kualiti hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai material seperti pemilikan rumah sendiri, kenderaan sendiri, taraf pendidikan yang tinggi tetapi ianya juga merangkumi aspek-aspek yang tidak berbentuk material contohnya perasaan yang terdiri daripada kasih sayang, kemesraan, rasa belas kasihan antara individu dan sentiasa berlapang dada. Hal ini bermakna kegeraman dan kegembiraan seseorang juga boleh mempengaruhi kualiti hidup seseorang dengan secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, Muhamad Fadhil (2003) pula menghuraikan kesejahteraan hidup adalah kesan daripada usaha untuk mengatasi masalah dan meningkatkan kualiti hidup manusia sehingga berada dalam keadaan hidup yang selamat, sihat dan selesa, baik secara fizikal, sosial mahupun psikologi.

Di Malaysia, Laporan Kualiti Hidup Malaysia yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2004) telah mentakrifkan kualiti hidup sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara. Norizan (2003) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa kualiti hidup boleh dibahagi

kepada dua dimensi iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif. Konsep kualiti hidup yang objektif adalah berkaitan dengan keperluan hidup yang dapat dicapai oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan, dan pendidikan manakala konsep kualiti hidup subjektif pula bermakna kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia.

Walaupun terdapat banyak takrifan terhadap kualiti hidup tetapi semuanya membawa suatu konsep yang agak sama iaitu melibatkan perubahan dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan yang lebih memuaskan atau lebih baik. Secara lebih khusus, kualiti hidup Malaysia boleh dikatakan sebagai seseorang yang sentiasa berusaha, gaya hidup yang positif atau baik dengan menjaga badan bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga bagi orang lain. Contohnya, tidak merokok, mengambil dadah. Tambahan pula, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial sesuai dengan aspirasi negara (UPE, 1999) juga merupakan takrifan bagi kualiti hidup menurut Mohd. Shaladdin bin Muda *et al.*, (2006).

Bagi populasi dalam aspek biologi dan sosiologi pula didefinisikan sebagai kumpulan manusia atau organisma bagi spesis tertentu yang hidup dalam sesuatu kawasan atau lapangan geografi. Definisi tersebut adalah dicatatkan dari buku Sosiologi (1992). Populasi tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang telah dikaji dalam aspek



biologi yang dikenali sebagai populasi biologi. Dalam kajian biologi, keunikan populasi disimbolkan sebagai satu kumpulan mamalia yang melahirkan anak dan menjaga anaknya sentiasa. Ia juga boleh dikatakan sebagai penambahan bilangan individu dalam seunit masa dalam kajian ini. Secara kesimpulan, perkataan populasi boleh merujuk kepada pelbagai spesis tetapi dalam kajian ini penyelidik hanya memberi perhatian kepada kumpulan manusia sahaja iaitu populasi penduduk.

Menurut Farley dalam kajiannya pada tahun 1992, masalah perkembangan populasi penduduk sudah lama berlaku sebelum ini sehingga sekarang. Masalah tersebut telah menjadi masalah yang popular dan berlaku pada tiap-tiap saat bukan sahaja berlaku di negara-negara yang maju dan besar seperti Amerika Syarikat sahaja tetapi juga berlaku dalam negara seperti Malaysia. Perkembangan populasi penduduk merangkumi tiga unsur utama iaitu kadar kelahiran, kadar kematian dan migrasi menurut Farley dalam bukunya pada tahun 1992. Di mana migrasi dapat dikira menggunakan bilangan orang yang imgrasi ke dalam negara kita menolak dengan bilangan orang yang emigrasi keluar dari negara kita. Kadar kematian dipengaruhi oleh struktur umur pada populasi penduduk dan didapati bahawa kategori populasi yang berumur tinggi mempunyai kadar kematian yang lebih tinggi berbanding dengan kategori yang berumur rendah. Aspek yang lain untuk membandingkan kadar kematian dengan umur yang berlainan adalah dengan mengukur statistik kepanjangan umur hidup bagi penduduk sesebuah negara. Menurut Farley dalam bukunya pada tahun 1992, purata kepanjangan umur hidup bagi dunia adalah 65 tahun bagi tahun 1990 dan kepanjangan umur ini akan berbeza mengikut negara-negara dan tahun-tahun tersebut. Walau bagaimanapun, kepanjangan umur biasanya akan berada





pada umur 41 tahun hingga 79 tahun. Pada tahun 1990, menurut rujukan Bureau (1991) yang dicatat dalam buku *Sociology* (1992), Amerika Syarikat dan Kanada masing-masing mempunyai purata kepanjangan umur masyarakat sebanyak 75 tahun dan 77 tahun.

Kadar kelahiran pula merujuk kepada bilangan orang yang lahir dalam sesebuah populasi penduduk. Populasi wanita yang berada dalam umur antara 15 tahun hingga 49 tahun mempunyai kadar kelahiran yang lebih tinggi berbanding dengan wanita yang berkategori umur yang lain. Kadar kelahiran mempunyai peratus yang tinggi jika populasi wanita sesebuah negara adalah tinggi. Hal ini bermaksud kadar kelahiran sesebuah negara biasanya akan bergantung kepada populasi wanita dalam sesebuah negara tersebut. Bagi unsur yang terakhir iaitu migrasi berlaku apabila seseorang tersebut ingin menukar tempat tinggal dari suatu kawasan ke suatu kawasan yang lain. Migrasi adalah terdiri daripada dua komponen iaitu komponen imigrasi dan komponen emigrasi. Komponen imigrasi merujuk kepada bilangan orang yang berpindah masuk ke satu kawasan geografi pada suatu masa tertentu. Contohnya, orang-orang yang berpindah masuk ke Malaysia dari negara asal mereka dan ingin menjadi penduduk Malaysia. Komponen emigrasi pula merujuk kepada bilangan orang yang berpindah keluar dari satu kawasan ke satu kawasan lain. Contohnya, penduduk Malaysia yang ingin berpindah ke negara-negara lain.

Populasi penduduk negara Malaysia terdiri daripada tiga bangsa utama iaitu bangsa Cina, bangsa Melayu, dan bangsa India. Hal ini menjadikan Malaysia sebagai satu negara unik yang mempunyai pelbagai bangsa berbanding dengan negara lain dalam



dunia ini. Perkembangan populasi penduduk dapat dilihat dengan jelas melalui statistik data yang dicatat oleh Hashim Md. Isa dalam bukunya Malaysia pada tahun 2002. Dalam data statistik tersebut, dapat diperhatikan bahawa sebanyak 13,746 ribu orang pada tahun 1980 telah meningkat sebanyak 3,821 ribu orang atau sebanyak 21.8% dan menjadi 17,567 ribu pada tahun 1991. Selain itu, pada tahun 1997, ia telah mencapai sebanyak 21,665.6 ribu orang. Hal ini telah membawa maklumat bahawa populasi penduduk Malaysia semakin tahun semakin meningkat. Dengan itu, menurut teori Malthusian dalam buku Sociologi tahun 1992, Malthus berpendapat bahawa perkembangan populasi penduduk akan menyebabkan sumber bumi ini tidak lagi sanggup untuk menampung begitu ramai orang pada suatu hari terutamanya bagi sumber makanan yang terhad itu. Selain itu, dalam teori populasi Marxists pula, Marxists bersetuju bahawa untuk meningkatkan kualiti hidup sesebuah negara adalah dimaklumkan bahawa hendaklah menurunkan kadar kelahiran dalam negara tersebut.

### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Sebenarnya, indeks kualiti hidup dan komponene-komponen indeks serta nilai-nilai sosial yang tersurat dan tersirat di dalamnya telahpun menjadi asas perbincangan di kalangan masyarakat termasuk individu, persatuan, wakil rakyat dan kerajaan. Contohnya, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai langkah untuk memperbaiki tahap kualiti hidup masyarakat. Soalan seperti adakah kualiti hidup sekarang lebih baik berbanding dengan yang sebelum atau pun di sebaliknya sentiasa berada dalam permikiran masyarakat hari



ini. Selain itu, masyarakat juga ingin tahu bagaimana dengan kualiti hidup bagi generasi yang akan datang agar langkah-langkah tertentu boleh diambil.

#### **1.4 SOALAN KAJIAN**

Kajian ini adalah membawa tajuk hubungan antara kualiti hidup dengan populasi penduduk yang berlaku dalam Malaysia. Menurut Singer dalam kajiannya pada tahun 1972, populasi penduduk adalah mempunyai hubungan secara langsung dengan kualiti hidup bagi Amerika Syarikat dan Singer berpendapat bahawa perkembangan dalam populasi penduduk akan membawa kepada penghausan sumber-sumber negara secara luas di samping memberi kesan kepada penurunan kualiti hidup negara tersebut.

#### **1.5 TUJUAN KAJIAN**

Tujuan menjalankan kajian ini adalah untuk mengetahui hubungan yang berlaku antara populasi penduduk dengan kualiti hidup dan populasi penduduk dengan penentu-penentu yang berkaitan dengan pengiraan indeks kualiti hidup. Tujuan yang kedua adalah untuk membanding perubahan kualiti hidup Malaysia yang berlaku dari tahun 1990 hingga tahun 2005. Dengan secara langsung, orang ramai akan memahami dengan lebih dalam terhadap pengiraan indeks kualiti hidup. Selain itu, kekonsistenan bagi 11 penentu dengan 5 penentu untuk mengira indeks kualiti hidup dapat diketahui. Di samping itu, tujuan menjalankan kajian tersebut adalah kerana kajian tersebut adalah amat berguna untuk



membantu seberapa yang mungkin kepada penyelidik-penyelidik pada masa yang akan datang apabila penyelidik-penyelidik tersebut berminat untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan kualiti hidup.

## 1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

- i. Menguji kekonsistenan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) bagi menggunakan beberapa penentu IKHM.
- ii. Menguji kekonsistenan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dengan menggunakan petunjuk yang berbeza bagi penentu yang sama.
- iii. Menguji hubungan antara populasi penduduk dengan IKHM.
- iv. Menguji hubungan antara populasi penduduk dengan penentu-penentu IKHM.

## 1.7 DEFINASI KAJIAN

Malaysia merupakan negara berbilang kaum. Walau bagaimanapun, masyarakat Malaysia masih boleh hidup dengan ramah-mesra antara satu sama lain. Selain daripada ketiga-tiga bangsa utama, sebahagian masyarakat Malaysia juga terdiri daripada orang imigrasi iaitu orang yang berpindah ke dalam Malaysia dari negara asal mereka. Perkara yang membawa kepada sesetengah orang berhijrah ke sini atas pelbagai faktor contohnya berlaku kelaparan, peperangan, bencana alam dan lain-lain keadaan di negara asal sehingga mereka merasa tidak selamat dan selera lagi untuk tinggal di sana. Dengan itu,



dapatlah difahamkan mengapa terdapat banyak pendatang asing yang tinggal secara haram di Malaysia pada hari ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa populasi penduduk Malaysia telah berkembang secara cepat dan pesat tahun demi tahun. Masalah ini dapat ditunjuk melalui perkembangan harian hidup contohnya masalah kesesakan kenderaan di jalan raya yang sentiasa berlaku di bandar-bandar yang berkembang pesat, masalah pencemaran yang semakin teruk yang disebabkan oleh perlakuan manusia, dan kehapusan pokok-pokok disebabkan dengan pembinaan yang pesat. Semua ini telah membuktikan bahawa negara kita sedang menghadapi masalah perkembangan populasi.

Mata indeks kualiti hidup adalah penting bagi sesebuah negara kerana mata indeks kualiti hidup yang tinggi melambangkan negara tersebut berada dalam keadaan yang maju dan sebaliknya. Indeks kualiti hidup adalah suatu ukuran agar masyarakat dapat tahu sama ada hidup mereka pada tahun ini lebih baik berbanding dengan tahun yang lepas atau tidak. Taraf hidup merupakan salah satu komponen penting yang mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan indeks kualiti hidup masyarakat tertentu.

## 1.8 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi seruluh Malaysia. Malaysia dipilih untuk menjalankan kajian ini kerana Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai bangsa dan populasi penduduk sentiasa meningkat. Konsep subjektif dan objektif mungkin mempunyai percanggahan antara satu sama lain. Contohnya sekumpulan penduduk mungkin sudah puas hati dengan sesuatu keadaan, umpamanya tahap pendidikan atau kesihatan tetapi petunjuk-petunjuk

‘objektif’ membuktikan tahap yang dicapai masih rendah jika dibanding dengan tahap yang dicapai bagi penentu-penentu lain.

Data-data yang diperlukan diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Statistik cawangan Sabah dan Pulau Pinang. Memandangkan terdapat kekangan untuk mendapat data yang cukup, maka analisa yang dibuat dalam kajian ini akan dihadkan kepada lima penentu sahaja iaitu penyelidik memberi perhatian kepada penentu-penentu seperti bidang pendidikan, bidang kesihatan, bidang keselamatan awam, bidang pengangkutan dan komunikasi dan bidang persekitaran kerja. Bagi kualiti hidup subjektif seperti kebebasan seseorang dan kepuasan seseorang dalam pelbagai aspek juga memberi sumbangan kepada kualiti hidup sesebuah negara tetapi tidak akan dibincangkan dalam kajian ini kerana menurut Distaso dalam kajiannya pada tahun 2007, penentu-penentu tersebut adalah amat susah untuk disukat dan adalah lebih sesuai dikaji oleh penyelidik manusia ekonomi di samping penentu-penentu tersebut hanya memberikan anggapan kepada jawapan dalam kajian ini sahaja. Hal ini membawa maksud bahawa nilai jawapan yang diperolehi bagi penentu subjektif tidak boleh dikatakan tepat. Selain itu, penentu seperti pendapatan dan pencemaran juga tidak akan dibincangkan kerana data yang diperlukankan tidak dapat diperolehi dari jabatan-jabatan perangkaan. Populasi penduduk yang digunakan adalah jumlah keseluruhan iaitu hasil daripada perbezaan kadar kelahiran dan kadar kematian bertambah dengan net migrasi negara tersebut. Kajian ini mengukur perubahan kualiti hidup masyarakat dalam tempoh 1996 hingga 2005 dengan menggunakan tahun 1995 sebagai tahun asas.



## **BAB 2**

### **KAJIAN LEPAS**

#### **2.1 PENGENALAN**

Kajian lepas adalah catatan kepada apa yang dilakukan atau diusahakan oleh penyelidik-penyelidik luar negara mahupun dalam negara sebelum itu yang berkaitan secara langsung dengan tajuk yang ingin dijalankan ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan penyelidik kajian yang dikaji dalam kajian ini adalah berasal dari negara lain iaitu selain daripada Malaysia. Sudah diketahui bahawa kualiti hidup hanya boleh dilihat dengan menggunakan indeks kualiti hidup yang berdasar kepada pelbagai penentu yang berkaitan dan dianggap penting kepada rakyat. Jadi, bab ini akan setiap penentu yang dianggap penting oleh penyelidik-penyelidik akan diterang dengan lebih jelas. Sumbangan penyelidik-penyelidik akan dijadikan sebagai satu rujukan untuk membantu dalam menjalankan kajian tersebut.



## 2.2 KERANGKA KONSEP

Pollnac *et al.* (2001) telah mentafsirkan penentu-penentu seperti atribut individu, masalah sosial, dan struktur komuniti yang boleh mempengaruhi kualiti hidup secara menyeluruh dalam kajiannya manakala Li (2006) dalam kajian Mohd. Shaladdin bin Muda *et al.* (2006) pula telah menjelaskan bahawa kesejahteraan hidup di China adalah menggunakan lima domain kehidupan harian iaitu kesihatan, keluarga, hubungan sosial, pekerjaan dan alam sekitar yang baik sebagai pembolehubah-pembolehubah untuk mengukur kualiti hidup sesebuah masyarakat tersebut. Menurut kajian yang dibuat oleh Singer pada tahun 1972, populasi penduduk adalah mempunyai hubungan secara langsung dengan kualiti hidup sesebuah negara. Selain itu, Norizan (2003), dan Pollnac *et al.* (2001) telah menggunakan penentu-penentu seperti bidang pendapatan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan komunikasi, keamanan dan keselamatan, keluarga, persekitaran kerja dan penyertaan sosial sebagai peramal kepada kualiti hidup dalam kajian yang dijalankan. Jumlahnya terdapat sebanyak sembilan penentu yang dianggap penting untuk mengira kualiti hidup. Nieboer *et al.* (2005) pula menggunakan pencapaian matlamat, tingkah laku, status dan keselesaan sebagai petunjuk kepada kualiti hidup. Unit Perancang Ekonomi (2002) memantau indeks pencemaran secara keseluruhan bagi penentu bidang alam sekitar tetapi Distaso (2007) hanya memberi perhatian kepada NO<sub>2</sub> dan SO<sub>2</sub> sahaja dalam kajiannya.





## RUJUKAN

- Distaso, A., 2007. Well-Being and/or Quality of Life in EU Countries Through a Multidimensional Indeks of Sustainability. *Ecological Economics*.
- Awad, A. G., Voruganti, L. N. P., and Heslegrave, R. J., 1997. A Conceptual Model of Quality of Life in Schizophrenia: Description and Preliminary Clinical Validation. *Quality of Life Research* **6**, 21-26.
- Azizi Hj. Yahaya, Shareeza Abdul Karim dan Noordin Yahaya, 2003. Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Tingkat Empat Sekolah Menengah Teknik N. Sembilan.
- Buku Kualiti Hidup 2002. Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- Coakes, J. S. dan Steed, G. L., (2005). *SPSS Analysis Without Anguish Version 12.0 for Windows*. John Wiley & Sons, Australia.
- Norman C. Dalkey, 2002. A Delphi Study of Factors Affecting the Quality of Life. *Specialized Techniques: Factors Affecting Quality of Life*. 383-395.
- Darcin, M. dan Darcin, E. S., 2006. Relationship Between Quality of Life and Child Traffic Fatalities. *Analysis and Prevention* **39**, 826-832.
- Hashim Md. Isa, 2002. *Malaysia 2002*. Berita Publishing Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Farley, J. E., 1992. *Sociology Ed ke-2*. Prentice Hall, Englewood Cliffs, New Jersey.
- Johnson, R., 1996. *Elementary Statistics*. Ed. Ke-7. Wadsworth Publishing Company, USA.



- Li Liu, 2006. Quality of Life As a Social Representation in China: A Qualitative Study, *Social Indicators Research*, **75** (2), 217-240.
- Mahathir Mohamad, 1999. *Kata alu-aluan kualiti hidup Malaysia 99*, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur.  
<http://www.epu.jmp.my/New%20Folfer/publication/mqli99/1>.
- Mohd Shaladdin bin Muda, Wan Abdul bin Wan Mohd Amin dan Nik Wan bin Omar, 2006. *Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir*.
- Muhamad Fadhil Nurdin, 2003. *Penilaian Dampak Pembangunan ke Arah Kesejahteraan Masyarakat; Penilaian Dampak Sosial*. Utusan Publication & Distributor, Kuala Lumpur.
- Nieboer, A., Lindenberg, S., Boomsma, A. dan Van Bruggen, A. C., 2005. Dimensions of well-being and their measurement: The spf-II Scale. *Social Indicators Research* **73** (3), 313-353.
- Norizan Abdul Ghani, 2003. *Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu Kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. Tesis Ph. D, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. (tidak diterbitkan)
- Norusis, M. J., 1990. *SPSS Advanced Statistics Student Guide*. SPSS Inc, Chicago.
- OECD Factbook, 2006. *Economic, Environmental and Social Statistics*.  
<http://www.oecd.org/dataoecd/32/21/36029941.html>.
- Pollnac, R. B., Pomeroy, R. S., dan Harkes, I. H. T., 2001. Fishery Policy and Job Satisfaction in Three Southeast Asian Fisheries. *Ocean and Coastal Management* **44**, 531-544.



- Renwick, R., 2006. The Quality Life Model. <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>, pada 25/1/2006.
- Ruhizan Mohd. Yassin, Mohd. Jasmy Abd Rahman, Norlena Salamuddin dan Rosadah Abd Majid, 2001. Proses Kognitif Pelajar Cemerlang dan Tidak Cemerlang. *Jurnal Pendidikan* **27**, 27-34.
- Singer, S. F., 1972. A Study of Optimum Population Levels- A Progress Report. *Proc. Nat. Acad. Sci. USA* **69**, 3839-3848.
- Siti Fatimah Abdul Rahman, 2006. Kriteria Kualiti Hidup Berkeluarga. <http://www.ikim.gov.my/bm/paparmedia.php?key=781>, pada 25/1/2006.
- Unit Perancang Ekonomi, 1999. Usaha Ke Arah Peningkatan Kualiti Hidup. *Kualiti Hidup Malaysia 99*, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Berhad.
- Unit Perancang Ekonomi, 2002. *Kualiti Hidup Malaysia, Malaysia Quality of Life*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur.
- Unit Perancang Ekonomi, 2004. *Kualiti Hidup Malaysia. Malaysia Quality of Life*. Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur.
- WHO, 1999. Krug, E. (Ed.), Injury: A Leading Cause of The Global Burden of Disease. [http://www.who.int/violence\\_injury\\_prevention/index.html](http://www.who.int/violence_injury_prevention/index.html). Dlm: Darcin. M., dan Darcin E. S.,(pnyt.) *Relationship Between Quality of Life and Child Traffic Fatalities* **39**, 826-832.
- WHO, 2004. World Report on Road Traffic Injury Prev. Dlm: Darcin. M., dan Darcin E. S.,(pnyt.) *Relationship Between Quality of Life and Child Traffic Fatalities* **39**, 826-832.

